

Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 14 (87)
Tarikh : 18 Ogos 2017

KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

JELASKAN CUKAI TAKSIRAN ATAU DI DENDA.

Semua pemegang harta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang masih belum menjelaskan cukai taksiran adalah dinasihatkan supaya berbuat demikian pada **atau sebelum 31 Ogos 2017 (Khamis)** untuk mengelakkan sebarang **BAYARAN TAMBAHAN** dikenakan.

MBPJ telah menghantar melalui pos semua bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun kedua (Julai – Disember 2017) untuk 193,063 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM 184.46 juta

Sekiranya ada pemegang harta yang masih tidak menerima bil taksiran, mereka dinasihatkan untuk datang ke Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya untuk mendapatkan salinan, dan seterusnya menjelaskan bayaran di kaunter Pembayaran Utama, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pemegang harta juga boleh mendapatkan salinan bil cukai taksiran di **Pejabat Cawangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (No.19-1, Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5, Prestige Kota Damansara, Petaling Jaya)** dan juga di **Kaunter Bergerak**.

Bagi memudahkan pemegang harta menjelaskan bayaran, bayaran boleh dijelaskan di lokasi dan dengan cara berikut:-

Bil	Lokasi	Kaunter / Cara bayaran	Waktu Kaunter dibuka/ jenis bayaran
1	Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Kaunter Utama	Pukul 7.30 pagi hingga 5.30 Petang (Isnin – Jumaat) (tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad kredit /charge card)

Bil	Lokasi	Kaunter / Cara bayaran	Waktu Kaunter dibuka/ jenis bayaran
		Kaunter Tingkat 3 Menara MBPJ	Pukul 7.30 pagi hingga 5.30 Petang (Isnin – Jumaat) (tunai, cek, wang pos dan kiriman wang pos sahaja)
		Kaunter Pandu Masuk	Pukul 8.30 pagi hingga 4.00 Petang (Isnin – Jumaat) (tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad kredit / charge card)
2	Pejabat Cawangan MBPJ (No.19-1, Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5, Prestige Kota Damansara)	Kaunter Cawangan	Pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat) (tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad kredit / charge card)
3	Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah /Daerah di Negeri Selangor	Kaunter Bayaran	Mengikut masa kaunter dibuka di PBT / Pejabat Tanah /Daerah masing-masing
4	Kaunter Agensi Setempat	Kaunter Bayaran : Pejabat Pos (KL dan PJ sahaja) SYABAS DBKL	Mengikut masa kaunter dibuka pejabat masing-masing. Bayaran tunai sahaja S sepanjang Jan – Feb dan Julai – Ogos sahaja.
5	Bank	Kaunter Bayaran : Bank Rakyat	Tunai sahaja
6	Arahan Tetap	Auto Billing American Express Autopay SBB (CIMB) Autodebit Citibank Directdebit OCBC	
7	Internet banking	MB2U, UOB Pay online MBFclick&pay Citibank online Ambank online RHB online HSBC online Hong Leong Bank online Bankrakyat online Pos online Bank Islam online	24 jam sehari

Bil	Lokasi	Kaunter / Cara bayaran	Waktu Kaunter dibuka/ jenis bayaran
		JomPay (Biller Code: 76737)	
8	Laman Web Majlis	epay@mbpj.gov.my	24 jam sehari

Untuk memudahkan lagi bayaran cukai taksiran, di sepanjang bulan **Julai – Ogos 2017** waktu **Kaunter Utama** di buka dilanjutkan kepada masa seperti berikut :-

WAKTU BIASA		WAKTU TAMBAHAN	
Hari	Waktu kutipan	Hari	Waktu kutipan
Isnin – Jumaat :	7.30pg – 5.30ptg	Isnin – Jumaat :	5.30ptg – 6.00 ptg
Sabtu :	Tutup	Sabtu :	9.00 pg – 4.00 ptg
Ahad :	Tutup	Ahad :	9.00 pg – 4.00 ptg
Cuti Am : 31/08/2015	Tutup	Ahad :	9.00 pg – 4.00 ptg

Tarikh, lokasi dan waktu **Kaunter Bergerak MR EZPAY** sepanjang bulan Ogos 2017 adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1.	PJU 8 Flora Damansara (Berhampiran Surau)	Selasa - Jumaat	01.08.2017 – 04.08.2017	10.00 pg – 3.00 ptg
2.	SD 2/1G (Berhadapan Kedai Tayar STH Auto Services Center)	Sabtu - Jumaat	05.08.2017 – 11.08.2017	10.00 pg – 3.00 ptg
3.	SD 12/1 (Berhampiran Restoran Mc'Donalds dan Mobil)	Sabtu – Jumaat	12.08.2017 – 18.08.2017	10.00 pg – 3.00 ptg
4.	PJU 10, Damansara Damai (Berhampiran Stesen Minyak Shell dan Restoran Mc'Donalds)	Sabtu - Jumaat	19.08.2017 – 25.08.2017	10.00 pg – 3.00 ptg
5.	Taman Dato' Harun (Berhampiran Restoran Nasi Kandar Pokok Kelapa)	Sabtu - Khamis	26.08.2017 – 31.08.2017	10.00 pg – 3.00 ptg

Melalui pemakluman ini, diharapkan dapat memberikan makluman serta kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan dengan Majlis. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109 atau melayari laman web rasmi Majlis www.mbpj.gov.my.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695.
Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya